

**Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Akan Diteruskan - Muhyiddin Bernama**  
**22 Aug, 2013**

BANGKOK, 22 Ogos (Bernama) -- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang dijadual dilancar bulan depan akan diteruskan dan ia tidak akan tergugat dengan bantahan mana-mana pihak, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin Khamis.

Beliau berkata kalau ia tidak diteruskan bukan sahaja ia dilihat sebagai satu kelemahan tetapi juga menjejaskan sistem pendidikan sekolah kebangsaan.

Pada sidang akhbar dengan wartawan Malaysia selepas mengunjungi Perdana Menteri Thailand Yingluck Shinawatra di sini Khamis, beliau juga memberi jaminan bahawa sekolah Tamil dan Cina tidak akan dihapuskan.

PPPM telah mendapat tentangan daripada Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) yang bimbang tentang status bahasa Cina di bawah pelan itu.

Timbalan Perdana Menteri yang tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi dua hari bermula hari ini berkata, dalam pelan itu tidak ada langsung dinyatakan bahawa bahasa Cina akan dihapuskan.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata PPPM telah dibuat dengan melibatkan 17,000 cadangan dan bertujuan untuk membaiki sekolah kebangsaan yang dianggap lemah oleh sesetengah pihak.

"Mungkin mereka mahu sekolah kebangsaan mundur," kata beliau mengenai bantahan Dong Zong terhadap PPPM.

Walaupun begitu, beliau memuji sesetengah wakil masyarakat Cina yang telah memberikan cadangan bagi menambahbaik pelan tersebut seperti menambahkan waktu belajar untuk Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971977>